

KESEJAHTERAAN EMOSI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS: PASCA COVID-19

Emotional Well-being of Students with Special Educational Needs: Post COVID-19

**Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Nadzimah Idris, Abdul Rahim Razalli, Mohd Syaubari
Othman, Mazarul Hassan Mohd Hanapi, Mohd Muslim Md Zalli &
Nik Muhammad Hanis Nik Rakemi**

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak,
Malaysia

*Corresponding author: mridhuan@fpm.upsi.edu.my

Published: 20 December 2023

To cite this article (APA): Mohd Jamil, M. R., Idris, N., Razalli, A. R., Othman, M. S., Mohd Hanapi, M. H., Md Zalli, M. M., & Nik Rakemi, N. M. H. (2023). Kesejahteraan Emosi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas: Pasca COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 16–26. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.4.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.4.2023>

ABSTRAK

Konsep kesejahteraan merangkumi pelbagai dimensi, termasuk aspek mental/psikologi, fizikal, dan sosial. Salah satu dimensi kesejahteraan iaitu kesejahteraan emosi yang menerangkan konsep psikologi berkaitan dengan kepuasan hidup, tujuan, dan emosi positif. Dimensi kesejahteraan emosi ini amat kritikal terutamanya bagi murid berkeperluan pendidikan khas pasca Covid-19. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah tinjauan literatur dengan merujuk bahan daripada sumber ilmiah. Objektif kajian berfokus kepada; (i) mengenal pasti perkaitan antara kesejahteraan emosi dan murid berkeperluan pendidikan khas, (ii) mengenal pasti isu kesejahteraan emosi bagi murid berkeperluan pendidikan khas pasca Covid-19. Hasil analisis mencadangkan keperluan terhadap panduan dalam menguruskan kesejahteraan emosi bagi murid berkeperluan pendidikan khas pasca Covid-19 bagi membantu guru dan murid menangani isu ini.

Kata kunci: kesejahteraan emosi, murid berkeperluan pendidikan khas, pasca Covid-19, emosi, dan psikologi

ABSTRACT

The notion of well-being comprises various elements, such as mental or psychological, physical, and social factors. Emotional well-being constitutes an essential facet of overall well-being, encompassing psychological constructs such as life satisfaction, a sense of purpose, and the experience of happy emotions. Emotional well-being holds significant importance, particularly in the context of pupils with special educational requirements, in the impact of the COVID-19 pandemic. This study utilizes qualitative research methods to investigate the connection between emotional well-being and special education students by analyzing scholarly sources. The study aims to (i) determine the correlation between emotional well-being and students with special education needs and (ii) identify post-COVID-19 concerns regarding the emotional well-being of students with special educational needs. The findings indicate the necessity for guidance on managing emotional well-being for these students in the post-COVID-19 era to aid both teachers and students in coping with this issue.

Keywords: emotional well-being, students with special educational needs, post-Covid-19, emotions, and psychology

PENGENALAN

Wabak COVID-19 pada tahun 2019 telah membawa kepada transformasi yang ketara dalam landskap global, membuka fasa revolusi baharu untuk dunia. Krisis kesihatan yang tidak pernah berlaku sebelum ini telah diakui sebagai isu kesihatan awam yang amat membimbangkan pada skala global. Sebagai tindak balas, banyak negara telah melaksanakan langkah-langkah ketat, seperti mengenakan penutupan secara besar-besaran melibatkan kesemua sektor, dalam usaha untuk membendung penularan virus. Kesan pandemik COVID-19 melangkaui bidang kesihatan, yang merangkumi pelbagai aspek masyarakat, termasuk ekonomi, dinamik sosial, hubungan kekeluargaan, interaksi masyarakat, dan sistem pendidikan (Mokhtar et al., 2021). Bermula Februari 2020, pandemik COVID-19 telah menimbulkan kesan mendalam terhadap sistem pendidikan global. Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) telah meramalkan gangguan yang tidak pernah berlaku sebelum ini terhadap akses pendidikan di seluruh dunia, yang memberi impak terhadap kemunduran generasi.

Dalam usaha untuk membendung penularan virus COVID-19, institusi pendidikan telah mengalami penutupan yang berpanjangan mengakibatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh, menggunakan pelbagai medium dan metodologi yang disesuaikan dengan keadaan tempatan dan sumber yang ada. Hal ini telah dilaksanakan di 195 buah negara di seluruh dunia yang telah menjejaskan lebih 1.5 bilion kanak-kanak (UNESCO, 2020; UNICEF, 2021, 2022). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh UNESCO pada tahun 2020, penutupan sekolah secara global data menunjukkan 87% pelajar daripada populasi dunia telah terjejas teruk disebabkan oleh wabak COVID-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini. Penemuan yang sangat membimbangkan ini, memberikan kesan yang meluas akibat pandemik dalam bidang pendidikan. Namun begitu, beberapa pertubuhan pendidikan telah memilih untuk meneruskan pengajaran secara bersemuka, walaupun dengan pengubahsuaian besar kepada protokol biasa sekolah, dengan mematuhi langkah kebersihan dan penjarakan sosial yang baharu perlu dilaksanakan. Semasa kemuncak penutupan sekolah sekitar bulan April 2020, dianggarkan lebih 90% murid sekolah di seluruh dunia terkesan akibat penutupan ini (UNESCO, 2022). Sehingga Ogos 2020, secara purata dianggarkan hampir sepuluh minggu murid di 108 negara telah kehilangan masa pembelajaran mereka (UNESCO, 2022).

Di Malaysia, pelbagai langkah telah digubal dengan pantas untuk mengekang penularan wabak ini dan melindungi golongan yang berisiko tinggi. Sejak 18 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan terhadap rakyat dengan menguatkuasakan arahan untuk kekal di rumah, dengan mematuhi prinsip penjarakan sosial. Selaras dengan arahan ini, individu yang mempunyai simptom COVID-19 atau tergolong dalam kategori berisiko tinggi perlu mengasingkan diri. Selain itu, langkah proaktif terhadap institusi pendidikan di seluruh negara telah dilaksanakan dengan penutupan kesemua institusi pendidikan dan melaksanakan pembelajaran secara dalam talian. Impak daripada PKP ini terhadap murid bukan sahaja dirasai oleh murid tipikal malahan golongan murid berkeperluan pendidikan khas lebih terkesan dengan perkara ini. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) merupakan kumpulan murid yang perlu kepada pengintegrasian sosial untuk pembangunan kemahiran bagi menambah kualiti kehidupan mereka (Khusheim, 2021).

Perkembangan sosial dan emosi bagi murid sekolah rendah terutamanya bagi murid berkeperluan khas amat kritikal dalam membentuk keperibadian mereka dan membantu mereka belajar mengekspresikan diri. Kesan perubahan sosial terhadap kesihatan mental akibat pandemik COVID-19 perlu diberi perhatian terutamanya melibatkan golongan individu berkeperluan khas. Umum mengetahui golongan ini yang sememangnya menghadapi masalah dari segi kesihatan dan kognitif; sebagai contoh golongan individu yang mengalami Gangguan Spektrum Autisme (ASD) (Asbury et al., 2021) yang menunjukkan gejala tambahan seperti kebimbangan (*anxiety*), kemurungan (*depression*), memerlukan perhatian (*attention*), dan masalah tingkah laku (*behavior issues*), seperti yang dilaporkan oleh kajian seperti Gadow et al. (2005) dan Goldin et al. (2014).

Keluarga yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas sememangnya menghadapi lebih banyak tekanan dan cabaran (McConnell & Savage, 2015; McStay et al., 2014) ditambah dengan keadaan yang lebih mencabar semasa menghadapi krisis pandemik (Asbury et al., 2021). Apabila sekolah ditutup, anak-anak perlu berada di rumah dan tidak dapat mengakses sokongan dan sumber yang mereka perlukan untuk bersosial dengan dunia luar. Perkara ini bukan sahaja menjejaskan emosi ibu bapa yang tertekan sepanjang PKP tersebut, malahan ia mengakibatkan gangguan yang mendadak terhadap rutin harian MBPK, kekurangan rangkaian sokongan, dan tanggungjawab tambahan yang

terpaksa dihadapi oleh ibu bapa untuk menguruskan tekanan yang berlaku di dalam rumah sepanjang PKP tersebut (Lee, 2020). Oleh yang demikian, adalah amat wajar isu berkaitan kesejahteraan emosi MBPK pasca COVID-19 dikaji bagi membolehkan sokongan yang sewajarnya dapat diberikan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah seperti yang berikut:

- (i) mengenal pasti perkaitan antara kesejahteraan emosi dan murid berkeperluan pendidikan khas,
- (ii) mengenal pasti isu kesejahteraan emosi bagi murid berkeperluan pendidikan khas pasca Covid-19

Kesejahteraan Emosi


Perkataan kesejahteraan berasal daripada perkataan 'sejahtera' yang bermaksud aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara daripada bencana seperti kesusahan atau gangguan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kesejahteraan atau '*well-being*' menurut Lyubomirsky (2001) merupakan individu yang mengalami kebahagiaan dan lebih cenderung untuk mempamerkan tindak balas yang positif serta adaptif terhadap kehidupan, sekali gus menunjukkan rasa kesejahteraan. Dalam nada yang sama, Seligman (2011) mengkategorikan pertumbuhan peribadi (*flourishing*) kepada lima elemen utama. Ini termasuk mengalami emosi positif dan rasa kepuasan umum, melibatkan diri dalam aktiviti yang memberikan kesan yang positif, memupuk perhubungan yang menyokong dan bermakna, mencari tujuan, dan mencapai matlamat peribadi.

Tinjauan literatur berkaitan kesejahteraan meliputi pelbagai aspek kesejahteraan manusia, termasuklah kebahagiaan, kebolehan kognitif, dan hubungan sosial. Ahli akademik memberi tumpuan terhad kepada konsep dan memerlukan kepada contoh yang konkrit bagi menjelaskan makna kesejahteraan. Berbeza dengan ahli psikologi, mereka memberi tumpuan kepada kesejahteraan subjektif (SWB), yang boleh diukur dan bukan terhad hanya kepada fungsi pemilihan oleh individu. Bidang kajian berkaitan kesejahteraan ini telah berkembang terutamanya apabila muncul gerakan psikologi positif. Kajian tentang kualiti hidup (*Quality of Life*) dan indeks sosial telah muncul dalam sosiologi, sains kesihatan dan bidang lain yang berkaitan. McAllister (2005) pula mendefinisikan kesejahteraan sebagai lebih daripada ketiadaan penyakit atau patologi dengan dimensi subjektif (dinilai sendiri) dan objektif (disifatkan); ia boleh diukur pada tahap individu atau masyarakat; ia mengambil kira unsur-unsur kepuasan hidup yang tidak boleh ditakrifkan, dijelaskan atau terutamanya dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi.

National Institute of Health (2018) menjelaskan kesejahteraan merujuk kepada cara orang menjalani kehidupan mereka dan termasuk pertimbangan kognitif dan emosi dengan mengkategorikan kesejahteraan kepada tiga bahagian: (1) eudaimonia; (2) kepuasan hidup, atau kesejahteraan yang dinilai; dan (3) kesejahteraan hedonik, atau kesejahteraan afektif atau pengalaman. Namun, para penyelidik menghadapi cabaran dalam penyelidikan mereka akibat ketiadaan konsensus dan pemahaman yang jelas tentang konsep kesihatan mental terutamanya untuk memilih langkah yang sesuai dan mengenal pasti aspek psikologi khusus yang berkaitan dengan kesejahteraan (VanderWeele et al., 2020).

Kesejahteraan emosi merujuk kepada upaya untuk membezakan antara emosi yang berbeza, berkait rapat dengan kesejahteraan sosial dan emosi. Menurut penyelidikan oleh Kalokerinos et al. (2019), kesejahteraan emosi juga dianggap sebagai aspek penting dalam pengawalan emosi. Kajian telah menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap kesejahteraan emosi yang tinggi cenderung memiliki kemahiran pengawalan emosi yang lebih baik (Barrett, 2003). Sebaliknya, mereka yang mempunyai tahap kesejahteraan emosi yang rendah berkemungkinan mempunyai strategi pengawalan emosi yang kurang berkesan (Kalokerinos et al., 2019).

Terdapat kajian yang telah dijalankan menunjukkan korelasi yang kuat antara kesejahteraan emosi dan kesihatan, dengan orang yang sihat mempunyai pengurangan risiko kematian daripada semua faktor sebanyak hampir 20% mempunyai matlamat hidup, mengurangkan risiko serangan jantung dan strok sebanyak 17% (Kubzansky et al., 2018). Boehm dan Kubzansky (2012) telah menunjukkan perkaitan di antara kesejahteraan psikologi dan kesihatan jantung melalui model mereka seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Secara lazimnya, kesejahteraan emosi dinilai sepanjang hayat individu, dari lahir hingga dewasa. Kajian berkaitan pencegahan risiko mendapat penyakit, mencadangkan bahawa pengubahsuaian terhadap lengkung perkembangan kanak-kanak, membawa kepada kesan jangka panjang ke atas pelbagai tingkah laku dan kesan positif terhadap hasil neurobiology (Oakman et al., 2020). Intervensi untuk menggalakkan kesejahteraan emosi sedang diterokai bagi meningkatkan kesejahteraan kehidupan dan mengurangkan keletihan, tekanan, dan masalah kesihatan mental bagi populasi yang berisiko (Wang et al., 2020).



Rajah 1: Model hubungan di antara kesejahteraan psikologi dan kesihatan jantung, diadaptasi daripada Boehm dan Kubzansky (2012)

Tinjauan yang dijalankan oleh Ipsos Malaysia telah mendedahkan bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan mendalam terhadap kesihatan fizikal dan kesejahteraan keseluruhan rakyat Malaysia. Penemuan menunjukkan bahawa 55% rakyat Malaysia menganggap pencapaian kepuasan hidup bergantung kepada memastikan kesejahteraan fizikal dan kesihatan yang baik (Institut Public de Sondage (IPSOS), 2020). Hasil dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa kesejahteraan yang merangkumi fizikal dan psikologi merupakan kunci utama kebahagiaan hidup rakyat Malaysia. Rajah 2 memaparkan hasil dapatan kajian tersebut. Walau bagaimanapun, kajian yang melibatkan kesejahteraan emosi pasca COVID-19 bagi murid berkeperluan pendidikan khas secara khususnya amat terhad. Perangkaan berkaitan ini adalah penting dalam memastikan kesejahteraan emosi bagi golongan ini bagi meningkatkan sokongan dan perkhidmatan dalam memastikan pengalaman pendidikan yang lebih positif dan berjaya.



Rajah 2: Tinjauan oleh IPSOS yang dijalankan pada 24 Julai – 7 Ogos 2020 di kalangan 19, 516 orang dewasa di 27 negara (500 orang di Malaysia) (Institut Public de Sondage (IPSOS), 2020)

Hubungan Kesejahteraan Emosi Dan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Pelbagai faktor intrapersonal dan interpersonal yang boleh menjadi penyumbang kepada kesan positif atau negatif perkembangan sosial-emosi kanak-kanak (Kail, 2016). Kesejahteraan emosi merupakan aspek penting dalam kehidupan individu yang memberikan kesan mendalam dalam diri seseorang individu. Konsep ini melibatkan keadaan emosi positif, kepuasan hidup, mempunyai matlamat hidup, dan kemampuan untuk menguruskan perasaan secara berkesan. Cefai dan Cavioni (2014) telah menjalankan kajian berkaitan pendidikan sosial dan emosi. Hasil dapatan mereka telah mendedahkan statistik masalah kesihatan mental telah menjadi isu masyarakat yang penting bagi kanak-kanak dan golongan remaja melibatkan isu kesihatan masalah *anxiety*, kemurungan, ketagihan dadah, ketagihan siber, keganasan, dan tingkah laku antisosial. Selain itu, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang mengalami kekurangan neuro-psiko-motor lebih berisiko tinggi untuk mengalami defisit perkembangan sosial-emosi atas pelbagai sebab (Soponar, 2023). Kesejahteraan emosi telah menjadi topik yang semakin diberikan perhatian, terutamanya dalam konteks pasca pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan besar kepada semua lapisan masyarakat termasuklah golongan murid pendidikan khas.

Di Malaysia, kategori ketidakupayaan murid pendidikan khas dibahagikan kepada enam kategori utama iaitu Kurang Upaya Penglihatan (BL), Kurang Upaya Pendengaran (DE), Kurang Upaya Pertuturan (SD), Kurang Upaya Fizikal (PH), Kurang Upaya Pembelajaran (LD), dan Kurang Upaya Pelbagai (MD) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Berdasarkan laporan daripada data raya KPM (2022), seramai 85,362 orang MBK adalah dalam kategori bermasalah pembelajaran (LD) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Angka statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.3% murid berbanding tahun 2021 yang dikesan bagi kategori yang sama. Daripada jumlah itu, 1,239 merupakan murid di kelas PPKI pra sekolah, 48,411 murid di PPKI sekolah rendah, dan 35,712 orang MBPK kategori ketidakupayaan pembelajaran berada di PPKI sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Jadual 1 menunjukkan pecahan kategori ketidakupayaan murid mengikut kategori berdasarkan data 2022 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).

Jadual 1: Bilangan MBPK Mengikut Program dan Kategori Ketidakupayaan, dipetik daripada Buku Data Pendidikan Khas 2022 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).

BIL	KATEGORI KURANG UPAYA	SPK				PPKI				PPI (ARUS PERDANA)				JUMLAH KESELURUHAN
		PRA	REN	MEN	JUM	PRA	REN	MEN	JUM	PRA	REN	MEN	JUM	
1	Kurang Upaya Penglihatan	9	155	111	275	9	283	382	674	13	638	959	1,610	2,559
2	Kurang Upaya Pendengaran	45	568	169	782	32	649	1,026	1,707	14	553	657	1,224	3,713
3	Kurang Upaya Pertuturan	0	13	5	18	8	441	238	687	5	120	89	214	919
4	Kurang Upaya Fizikal	2	11	14	27	40	1,341	1,001	2,382	83	2,041	2,404	4,528	6,937
5	Masalah Pembelajaran	99	666	707	1,472	1,075	43,956	31,905	76,936	84	5,130	4,496	9,710	88,118
6	Kurang Upaya Pelbagai	16	94	26	136	75	1,741	1,160	2,976	20	225	182	427	3,539
JUMLAH		171	1,507	1,032	2,710	1,239	48,411	35,712	85,362	219	8,707	8,787	17,713	105,785

Angka yang semakin meningkat ini memberikan signal tentang keperluan dalam sistem pendidikan di negara kita memberikan perhatian terhadap aspek menjaga kesejahteraan emosi MBPK yang terjejas akibat COVID-19. Bagi MBPK, kesejahteraan emosi menjadi faktor yang lebih kritikal dalam mempengaruhi pengalaman pembelajaran dan perkembangan mereka. Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan pelbagai cabaran yang merintang pembelajaran dan kehidupan sehari-hari mereka. Pemisahan daripada persekitaran sekolah, interaksi sosial yang terhad dan ketidakpastian yang berkaitan dengan pendidikan boleh merosakkan kesejahteraan emosi mereka.

MBPK yang mengalami gangguan emosi atau tingkah laku atau *Emotional Behavioral Disorder* (EBD) merupakan kumpulan murid yang amat terkesan akibat pandemik COVID-19 ini. MBPK yang mempunyai EBD biasanya menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan dalam akademik di sekolah berbanding rakan yang lain. Hal ini telah dibuktikan secara empirikal oleh ramai penyelidik sebelum ini (Blackorby & Wagner, 1996; Landrum et al., 2003; Walker et al., 1987) yang menyatakan MBPK umumnya menunjukkan prestasi yang lebih rendah berbanding murid tipikal yang lain. Namun, golongan MBPK yang mengalami EBD akan mempamerkan prestasi akademik yang lebih rendah, cenderung untuk memperoleh gred yang lebih rendah, lebih banyak gagal dalam kursus yang diambil, lebih kerap mempunyai masalah disiplin, lulus ujian kecekapan minimum pada kadar yang lebih rendah, dan lebih sukar untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat berbanding golongan kurang upaya yang lain (Frank et al., 1995; Koyanagi & Gaines, 1993; Landrum et al., 2003).

Scheer dan Laubenstein (2021) telah menjalankan kajian berkaitan emosi MBPK bagi pembelajaran dalam talian semasa pandemik. Mereka mendapati MBPK yang mempunyai masalah gangguan emosi dan tingkah laku menunjukkan gangguan psikologi yang lebih tinggi dan mengalami kesukaran semasa pembelajaran jarak jauh berbanding murid tipikal. Kajian oleh Mælan et al. (2021) pula melaporkan MBPK di Norway menunjukkan penurunan tahap motivasi semasa PdP dalam talian, ditambah dengan masalah ibu bapa di Jerman yang menyuarakan cabaran dan kesukaran mereka untuk memotivasikan anak-anak MBPK semasa pandemik (Nusser, 2021). Di Mexico, penyelidik Cedillo et al. (2022) serta Rodríguez-Leonardo dan Peralta, (2020) mendapati keadaan emosi murid sekolah menengah MBPK menunjukkan kesan yang lebih ketara dengan tahap tekanan yang tinggi, *anxiety*, kegatalan/kerengsaan (*irritability*), kurang tumpuan dan masalah tidur, berbanding murid tipikal. Penemuan ini membuktikan COVID-19 telah menyebabkan masalah psikologi dan kesihatan mental kepada murid terutamanya kepada MBPK (Chen et al., 2020; Mondragón et al., 2020; Xie et al., 2020).

Oleh hal yang demikian, keperluan untuk mengenal pasti isu kesejahteraan emosi bagi MBPK pasca COVID-19 di Malaysia amat wajar diteliti bagi membantu golongan ini membina hubungan sosial yang positif dengan rakan sebaya dan masyarakat. Sokongan yang sesuai untuk MBPK akan dapat membantu membentuk kesejahteraan emosi yang positif dan membantu mereka mencapai potensi yang maksimum dalam pembelajaran dan perkembangan emosi.

Isu Kesejahteraan Emosi Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pasca COVID-19

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang ketara kepada pendidikan di seluruh dunia, terutamanya bagi MBPK dan mereka yang mempunyai keadaan pembelajaran yang kurang memberangsangkan. Menurut penyelidikan oleh Asbury et al. (2021) dan Goldan et al. (2020) MBPK telah menghadapi pelbagai kesukaran dan cabaran akibat penutupan sekolah dan terpaksa mengikuti pembelajaran secara dalam talian menyebabkan krisis pendidikan yang sangat kritikal, kesan penutupan sekolah. Hasil tinjauan literatur yang telah dijalankan dapat dirumuskan bahawa lima isu utama bagi kesejahteraan emosi yang mungkin dihadapi MBPK pasca COVID-19 iaitu: 1) ketidakpastian dan kebimbangan masa depan; 2) gangguan kepada rutin harian MBPK; 3) pengasingan sosial dan tekanan emosi; 4) cabaran teknologi; dan 5) kesan terhadap prestasi akademik dan dinamik keluarga. Perkara ini digambarkan seperti dalam rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Isu kesejahteraan emosi bagi murid berkeperluan pendidikan khas pasca COVID-19 di Malaysia

Pertama, pandemik COVID-19 telah membawa ketidakpastian yang ketara mengenai masa depan perkhidmatan pendidikan dan sokongan. Dapatan kajian oleh Ying dan Mohamed (2023) mendapati kebanyakan ibu bapa risau dan bimbang tentang masa depan anak *Autisme Spectrum Disorder* (ASD) mereka, khususnya apabila usia ibu bapa semakin meningkat, memikirkan nasib dan masa depan siapakah yang akan menjaga anak ASD mereka selepas ibu bapa mereka meninggal dunia. Perkhidmatan sokongan untuk MBPK merupakan komponen yang penting seperti yang dinyatakan oleh Ahmad (2014) yang telah menggariskan kepentingan perkhidmatan sokongan dan bimbingan untuk Kanak-kanak Awal Umur Berkeperluan Pendidikan Khas. Ketidakpastian tentang bagaimana dan bila ibu bapa akan menerima sokongan mengakibatkan peningkatan kebimbangan mereka terhadap perkhidmatan sokongan yang disediakan sama ada MBPK mampu untuk pulih kembali dari sudut akademik dan emosi. Kekurangan perancangan atau penyampaian maklumat yang jelas boleh memburukkan lagi kebimbangan ini, menjadikannya cabaran kepada MBPK dan kesejahteraan emosi mereka.

Kedua, MBPK menghadapi isu rutin seharian. Rutin amat penting bagi kanak-kanak terutamanya bagi MBPK. Ia membantu mereka melaksanakan tugas harian dengan lebih cepap dan meningkatkan keyakinan mereka terhadap keupayaan mereka untuk mengendalikan kehidupan seharian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2020). Menurut Sytsma et al. (2001), rutin berlaku secara berkala pada masa yang sama setiap hari. Aktiviti ini biasanya berkaitan dengan matlamat keluarga yang sama, seperti menyediakan makanan atau menyediakan anak-anak untuk tidur. Rutin menyediakan konteks pembelajaran semula jadi dan boleh membantu mewujudkan keteraturan temporal dalam kehidupan seharian. Peralihan mendadak kepada pembelajaran di dalam talian boleh mengganggu rutin biasa MBPK. Ini mengakibatkan MBPK terpaksa menyesuaikan diri untuk menguruskan masa mereka, mengekalkan tumpuan, dan menghadapi perubahan yang berlaku secara tiba-tiba. Gangguan ini boleh membawa kepada cabaran emosi (Zin et al., 2021), termasuk kekecewaan, tekanan (Aziz et al., 2020), dan juga masalah tingkah laku, kerana MBPK merasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran baru ini (Siti Maryam Abdull Rahman, 2022).

Ketiga, pandemik memerlukan penjarakan sosial dan pembelajaran jarak jauh, yang boleh mengakibatkan pengasingan sosial bagi MBPK. MBPK mungkin menghadapi kesukaran untuk

berinteraksi dengan rakan sebaya mereka. Kemahiran sosial bersama rakan sebaya boleh meningkatkan interaksi sosial dan kebolehan untuk patuh pada peraturan (Harper et al., 2007). Isolasi sosial semasa pandemik COVID-19 mengakibatkan MBPK mengalami kesukaran untuk berinteraksi sosial (Zamri & Alias, 2022), dan kurang berhubung dengan dunia luar yang boleh membawa kepada perasaan kesepian dan pengasingan (Flem & Keller, 2000). Kesepian adalah penunjuk utama kesejahteraan sosial dan hasil daripada kekurangan hubungan yang diperlukan dan bukannya bersendirian (Mushtaq et al., 2014). Pengasingan sosial boleh memburukkan lagi tekanan emosi, menyebabkan perasaan sedih, kemurungan, dan kekecewaan (Gayer et al., 2020). Kurang interaksi bersama rakan sebaya memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan emosi MBPK secara keseluruhan (Imran et al., 2020).

Keempat, peningkatan pergantungan kepada teknologi untuk pembelajaran jarak jauh boleh menjadi sangat mencabar bagi pelajar berkeperluan khas. Seseengah murid mungkin mengalami kesukaran menggunakan platform digital atau memerlukan teknologi bantuan yang mungkin tidak tersedia. Kajian oleh Rahman et al. (2021) mendapati masalah yang sering dihadapi semasa pandemik COVID-19 adalah MBPK yang tidak mempunyai kemudahan teknologi yang lengkap di rumah, meskipun MBPK tersebut mempunyai kemudahan teknologi yang lengkap, mereka kurang mahir untuk mengendalikan alatan tersebut (Zamri & Alias, 2022) dan mempunyai masalah jaringan internet yang lemah lebih-lebih lagi yang menetap di kawasan pedalaman (Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah, 2021). Ini ditambah dengan masalah ibu bapa yang tidak mahir dan tidak dapat untuk memantau sesi pembelajaran anak istimewa mereka kerana mempunyai pengetahuan yang terhad tentang penggunaan alatan teknologi (Azahari et al., 2020; Zamri & Alias, 2022). Cabaran berkaitan teknologi ini boleh membawa kepada perasaan kecewa dan tekanan (Abdul Aziz et al., 2020; Aziz et al., 2020), kerana pelajar mungkin berjuang untuk mengakses kandungan pendidikan, tugas lengkap, atau mengambil bahagian dalam bilik darjah maya. Kesukaran ini memberikan tekanan secara emosi dan boleh menghalang kemajuan akademik.

Kelima, perubahan dalam persekitaran pendidikan dan perkhidmatan sokongan dapat memberi kesan ketara kepada prestasi akademik. MBPK mungkin merasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan mod pembelajaran baru, yang membawa kepada kemunduran akademik yang berpotensi dan kekecewaan (Cholleng & Alias, 2022). Selain itu, perubahan dinamik dalam keluarga, apabila ibu bapa atau penjaga memikul lebih banyak tanggungjawab dalam menyokong pendidikan anak-anak mereka, boleh memperkenalkan tekanan tambahan (Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah, 2021; Rahman et al., 2021; Suwasrawala & Ramaprasad, 2022). Tekanan ini boleh menjejaskan kesejahteraan emosi pelajar, kerana mereka mungkin merasakan tekanan untuk berjaya dalam akademik di samping menghadapi cabaran berkaitan keluarga.

Adalah penting bagi institusi pendidikan dan sistem sokongan untuk menangani isu-isu ini dengan menyediakan komunikasi yang jelas, sokongan yang khusus, dan pendekatan yang fleksibel bagi murid berkeperluan pendidikan khas dengan memberi tumpuan pasca COVID-19. Dengan cara ini, MBPK akan dapat mengekalkan kesejahteraan emosi mereka mengikut landskap pendidikan yang berkembang.

KESIMPULAN

Kesejahteraan emosi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas merupakan perkara yang amat penting dalam memberikan sokongan dan memenuhi keperluan pendidikan MBPK yang sebenar. Semasa pandemik COVID-19, MBPK mengalami *anxiety*, ketidakpastian, perubahan terhadap rutin harian, pengasingan fizikal dan sosial, dan tahap tekanan ibu bapa yang tinggi. Maka, perlunya kepada solusi untuk membantu MBPK mendapatkan persekitaran pembelajaran yang lebih inklusif pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas pembiayaan kajian ini melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk “Pembangunan

Model Kesejahteraan Emosi untuk Murid Berkeperluan Khas Pasca Covid-19” (No. Penyelidikan: 2021-0164-107-02, FRGS/1/2021/SKK05/UPSI/03/1). Penghargaan turut ditujukan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di atas segala sokongan, kemudahan, serta bantuan yang diberikan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, A. R., Shafie, A. A. H., Mohd Soffian Lee, U. H., & Raja Ashaari, R. N. S. (2020). Strategi Pembangunan Aspek Kesejahteraan Kendiri bagi Mendepani Tekanan Akademik Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 16–30. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.594>
- Ahmad, N. A. (2014). Pembinaan Model Perkhidmatan Sokongan Dan Bimbingan Berdasarkan Pengesanan Awal Untuk Kanak-Kanak Awal Umur Berkeperluan Khas: Development Of Model Support Services And Guidance Based On Early Detection For Early Age Children With Special Needs. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 3, 1–13.
- Asbury, K., Fox, L., Deniz, E., Code, A., & Toseeb, U. (2021). How is COVID-19 affecting the mental health of children with special educational needs and disabilities and their families? *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 51(5), 1772–1780.
- Azahari, N. H., Hamzah, I., & Mohd Yasin, M. H. (2020). Tahap latihan dan kemahiran guru pendidikan khas menghadapi cabaran pelaksanaan mata pelajaran kemahiran vokasional spesifik(KVS) berdasarkan kurikulum standard sekolah menengah pendidikan khas (KSSMPK). *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN Jilid XXXVII 2020*, 24–34.
- Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Ali, Z., & Dzaina, N. D. S. (2020). Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2020). *Cadangan aktiviti pembelajaran untuk murid prasekolah pendidikan khas* (Bahagian Pembangunan Kurikulum (ed.)). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Barrett, A. E. (2003). Socioeconomic status and age identity: The role of dimensions of health in the subjective construction of age. *The Journals of Gerontology Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*, 58(2), S101–S109.
- Blackorby, J., & Wagner, M. (1996). Longitudinal Postschool Outcomes of Youth With Disabilities: Findings From the National Longitudinal Transition Study. *Exceptional Children*. <https://doi.org/10.1177/001440299606200502>
- Boehm, J. K., & Kubzansky, L. D. (2012). The heart’s content: the association between positive psychological well-being and cardiovascular health. *Psychological Bulletin*, 138(4), 655.
- Cedillo, I. G., Contreras, S. R., & Barrera, V. J. F. (2022). COVID-19: Condiciones de estudio y repercusiones sobre el estado emocional y aprendizajes escolares de alumnos con necesidades educativas especiales. *MLS Inclusion and Society Journal*, 1(1 SE-Artículos). <https://www.mlsjournals.com/MLS-Inclusion-Society/article/view/1050>
- Cefai, C., & Cavioni, V. (2014). *Taught Social and Emotional Education: SEE in the Curriculum BT - Social and Emotional Education in Primary School: Integrating Theory and Research into Practice* (C. Cefai & V. Cavioni (eds.); pp. 43–80). Springer New York. https://doi.org/10.1007/978-1-4614-8752-4_4
- Chen, I.-H., Chen, C., Pakpour, A. H., Griffiths, M. D., & Lin, C. (2020). Internet-Related Behaviors and Psychological Distress Among Schoolchildren During COVID-19 School Suspension. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*. <https://doi.org/10.1016/j.jaac.2020.06.007>
- Cholleng, N., & Alias, A. B. (2022). Halangan Utama Guru Pendidikan Khas Menjalankan Pengajaran Dalam Talian Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001530–e001530.
- Flem, A., & Keller, C. E. (2000). Inclusion in Norway: A Study of Ideology in Practice. *European Journal of Special Needs Education*. <https://doi.org/10.1080/088562500361619>
- Frank, A. R., Sitlington, P. L., & Carson, R. R. (1995). Young adults with behavioral disorders: A comparison with peers with mild disabilities. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 3(3), 156–164.
- Gadow, K. D., Devincent, C. J., Pomeroy, J., & Azizian, A. (2005). Comparison of DSM-IV symptoms in elementary school-age children with PDD versus clinic and community samples. *Autism*, 9(4), 392–415.
- Gayer, C., Anderson, R. L., El Zerbi, C., Strang, L., Hall, V. M., Knowles, G., & Das-Munshi, J. (2020). Impacts of social isolation among disadvantaged and vulnerable groups during public health crises. *London, UK Economic and Social Research Council, King’s College London*. <https://Esrc.Ukri.Org/News-Events-and-Publications/Evidencebriefings/Impacts-of-Social-Isolation-among-Disadvantaged-and->

- Vulnerable-Groups-Duringpublic-Health-Crises.*
- Goldan, J., Geist, S., & Lütje-Klose, B. (2020). *Schüler*innen Mit Sonderpädagogischem Förderbedarf Während Der Corona-Pandemie*. <https://doi.org/10.31244/9783830992318.12>
- Goldin, R. L., Matson, J. L., Konst, M. J., & Adams, H. L. (2014). A comparison of children and adolescents with ASD, atypical development, and typical development on the Behavioral Assessment System for Children, (BASC-2). *Research in Autism Spectrum Disorders*, 8(8), 951–957.
- Harper, C. B., Symon, J. B., & Frea, W. D. (2007). Recess Is Time-In: Using Peers to Improve Social Skills of Children With Autism. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. <https://doi.org/10.1007/s10803-007-0449-2>
- Imran, N., Zeshan, M., & Pervaiz, Z. (2020). Mental health considerations for children & adolescents in COVID-19 Pandemic. *Pakistan Journal of Medical Sciences*, 36(COVID19-S4), S67.
- Institut Public de Sondage (IPSOS). (2020). [PRESS RELEASE] - Covid-19 Effect on Wellness. 14 October 2020. <https://www.ipsos.com/en-my/press-release-covid-19-effect-wellness>
- Kail, R. V. (2016). *Children and Their Development (7th Edition)* (7th Ed.). Pearson Education Limited.
- Kalokerinos, E. K., Erbaş, Y., Ceulemans, E., & Kuppens, P. (2019). Differentiate to Regulate: Low Negative Emotion Differentiation Is Associated With Ineffective Use but Not Selection of Emotion-Regulation Strategies. *Psychological Science*. <https://doi.org/10.1177/0956797619838763>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Edisi keempat. In *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Buku Data Pendidikan Khas Tahun 2022*. Kementerian Pendidikan
- Malaysia (KPM). <https://www.moe.gov.my/muat-turun/pendidikankhas/buku-data-pendidikan-khas>
- Khusheim, S. M. (2021). Students With Special Educational Needs: Explaining Their Social Integration and Self-Concept. *Journal of Education and Learning*. <https://doi.org/10.5539/jel.v11n1p54>
- Koyanagi, C., & Gaines, S. (1993). *All Systems Failure: An Examination of the Results of Neglecting the Needs of Children with Serious Emotional Disturbance. A Guide for Advocates*.
- Kubzansky, L. D., Huffman, J. C., Boehm, J. K., Hernandez, R., Kim, E. S., Koga, H. K., Feig, E. H., Lloyd-Jones, D. M., Seligman, M. E. P., & Labarthe, D. R. (2018). Positive psychological well-being and cardiovascular disease: JACC health promotion series. *Journal of the American College of Cardiology*, 72(12), 1382–1396.
- Landrum, T. J., Tankersley, M., & Kauffman, J. M. (2003). What Is Special About Special Education for Students With Emotional or Behavioral Disorders? *The Journal of Special Education*. <https://doi.org/10.1177/00224669030370030401>
- Lee, J. (2020). Mental Health Effects of School Closures During COVID-19. *The Lancet Child & Adolescent Health*. [https://doi.org/10.1016/s2352-4642\(20\)30109-7](https://doi.org/10.1016/s2352-4642(20)30109-7)
- Lyubomirsky, S. (2001). Why are some people happier than others? The role of cognitive and motivational processes in well-being. *American Psychologist*, 56(3), 239.
- Mælan, E. N., Gustavsen, A. M., Stranger-Johannessen, E., & Nordahl, T. (2021). Norwegian Students' Experiences of Homeschooling During the COVID-19 Pandemic. *European Journal of Special Needs Education*. <https://doi.org/10.1080/08856257.2021.1872843>
- McAllister, F. (2005). Wellbeing concepts and challenges: Discussion paper. *SDRN Discussion Paper*.
- McConnell, D., & Savage, A. (2015). Stress and resilience among families caring for children with intellectual disability: Expanding the research agenda. *Current Developmental Disorders Reports*, 2, 100–109.
- McStay, R. L., Trembath, D., & Dissanayake, C. (2014). Stress and family quality of life in parents of children with autism spectrum disorder: Parent gender and the double ABCX model. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 44, 3101–3118.
- Mokhtar, A., Ashikin, N., Sultan Abdul Halim Mu, P., Shah, adzam, & Darulaman, B. (2021). Peralihan Dari Pembelajaran Bersemuka Ke Pembelajaran Secara Atas Talian Untuk Subjek Mechanics Of Civil Engineering Structures semasa Pandemik COVID-19. *Anp Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 11–18. <https://doi.org/10.53797/anpjssh.v2i2.2.2021>
- Mondragón, N. I., Sancho, N. B., Santamaría, M. D., & Munitis, A. E. (2020). Struggling to Breathe: A Qualitative Study of Children's Wellbeing During Lockdown in Spain. *Psychology and Health*. <https://doi.org/10.1080/08870446.2020.1804570>
- Mushtaq, R., Shoib, S., Shah, T., & Mushtaq, S. (2014). Relationship between loneliness, psychiatric disorders and physical health? A review on the psychological aspects of loneliness. *Journal of Clinical and Diagnostic Research: JCDR*, 8(9), WE01.
- National Institute of Health. (2018). Emotional well-being: Emerging insights and questions for future research. In *Roundtable Meeting Report*. Bethesda, Maryland: NCCIH, OBSSR, NIH.
- Nur Hanisah Ahmad Saifudin, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah (Challenges in Implementing Home Teaching and

- Learning (PdPR) among Primary School Students). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250–264. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Nusser, L. (2021). Learning at Home During COVID-19 School Closures – How Do German Students With and Without Special Educational Needs Manage? *European Journal of Special Needs Education*. <https://doi.org/10.1080/08856257.2021.1872845>
- Oakman, J., Kinsman, N., Stuckey, R., Graham, M., & Weale, V. (2020). A rapid review of mental and physical health effects of working at home: how do we optimise health? *BMC Public Health*, 20, 1–13.
- Rahman, A. A. R., Nurul Nadia Nozlan, Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi, Muhammad Firdaus Ab Rahman, & Mohamad Anwar Zakaria. (2021). Pandemik COVID-19: Isu Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pendidikan Khas di Malaysia. *Ulum Islamiyyah*, 33(S4), 271–288. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33nos4.428>
- Rodríguez-Leonardo, N. M., & Peralta, A. (2020). Socioemotional Skills and Their Relationship With Stress Levels During the COVID-19 Contingency in Mexican Junior and High School Students. *Salud Mental*. <https://doi.org/10.17711/sm.0185-3325.2020.038>
- Scheer, D., & Laubenstein, D. (2021). The Impact of COVID-19 on Mental Health: Psychosocial Conditions of Students With and Without Special Educational Needs. *Social Sciences*. <https://doi.org/10.3390/socsci10110405>
- Seligman, M. E. P. (2011). *Flourish: A visionary new understanding of happiness and well-being*. Simon and Schuster.
- Siti Maryam Abdull Rahman. (2022). Cabaran Ibu Bapa Dalam Menyokong Pendidikan Anak Autisme Semasa Pandemik COVID-19. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(5), 1–7.
- Soponaru, C. (2023). Art Therapy and Social Emotional Development in Students With Special Educational Needs: Effects on Anxiety, Empathy, and Prosocial Behaviour. *Revista Romaneasca Pentru Educatie Multidimensionala*. <https://doi.org/10.18662/rrem/15.1/714>
- Suwasrawala, S. S., & Ramaprasad, A. (2022). Interventions for the Well-Being of Children With Disabilities During a Pandemic: Lessons From COVID-19. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 44(2), 198–199. <https://doi.org/10.1177/02537176211072980>
- Sytsma, S. E., Kelley, M. L., & Wymer, J. H. (2001). Development and initial validation of the child routines inventory. *Journal of Psychopathology and Behavioral Assessment*, 23, 241–251.
- UNESCO. (2020). How Many Students Are at Risk of Not Returning to School? Advocacy Paper. UNESCO, Paris. *UNESCO COVID-19 Education Response*, July, 24.
- UNESCO. (2022). The impact of the COVID-19 pandemic on education: international evidence from the Responses to Educational Disruption Survey (REDS). International Association for the Evaluation of Educational Achievement. In R. S. Sabine Meinck, Julian Fraillon (Ed.), *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (Revised ed). United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). <http://www.unesco.org/open-access/terms-use-ccbysa-en%0Ahttps://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000380398>
- UNICEF. (2021). *Education Sector Analysis Methodological Guidelines Volume III - Thematic Analyses* (Vol. 3).
- UNICEF. (2022). *Where Are We on Education Recovery ?* United Nations Children’s Fund (UNICEF), 2022.
- VanderWeele, T. J., Trudel-Fitzgerald, C., Allin, P., Farrelly, C., Fletcher, G., Frederick, D. E., Hall, J., Helliwell, J. F., Kim, E. S., & Lauinger, W. A. (2020). Current recommendations on the selection of measures for well-being. *Preventive Medicine*, 133, 106004.
- Walker, H. M., Shinn, M. R., O’Neill, R. E., & Ramsey, E. (1987). A longitudinal assessment of the development of antisocial behavior in boys: Rationale, methodology, and first-year results. *Remedial and Special Education*, 8(4), 7–27.
- Wang, Y., Duan, Z., Ma, Z., Mao, Y., Li, X., Wilson, A., Qin, H., Ou, J., Peng, K., & Zhou, F. (2020). Epidemiology of mental health problems among patients with cancer during COVID-19 pandemic. *Translational Psychiatry*, 10(1), 263.
- Xie, X., Qin, X., Zhou, Y., Zhu, K., Liu, Q., Zhang, J., & Song, R. (2020). Mental Health Status Among Children in Home Confinement During the Coronavirus Disease 2019 Outbreak in Hubei Province, China. *Jama Pediatrics*. <https://doi.org/10.1001/jamapediatrics.2020.1619>
- Ying, L. P. Y., & Mohamed, S. (2023). Perancangan Masa Depan Kanak-Kanak dengan Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD): Perspektif Ibu Bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002116–e002116.
- Zamri, F. E., & Alias, A. (2022). Cabaran Guru Pendidikan Khas Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001528. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1528>
- Zin, S. A. M., Ismail, R. N. H. R., Rozali, W. N. A. W., & Isa, N. K. M. (2021). COVID-19: Impak pandemik terhadap konflik emosi dan pendidikan di Malaysia–Satu kajian literatur. *Journal Of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6(5), 1–14.